Perkembangan Ekonomi Malaysia

SOROTAN PENTING

- **Pertumbuhan ekonomi Malaysia meningkat 5.6%, hasil daripada aktiviti permintaan dalam negeri yang lebih kukuh.**
- **Inflasi keseluruhan meningkat disebabkan terutamanya oleh kos pengangkutan yang lebih tinggi.**
- **Baki akaun semasa adalah lebih kecil pada 1.7% daripada Pendapatan Negara Kasar (PNK) dalam keadaan lebihan akaun barangan yang lebih rendah ekoran pertumbuhan import mengatasi eksport pada suku pertama.**

Ekonomi Malaysia meningkat 5.6% pada suku pertama 2017

Ekonomi Malaysia mencatat pertumbuhan yang lebih tinggi sebanyak 5.6% pada suku pertama 2017 (S4 2016: 4.5%). Aktiviti sektor swasta lebih pesat dan kekal sebagai pemacu utama pertumbuhan. Pertumbuhan terus meningkat hasil daripada kenaikan eksport berikutan permintaan lebih tinggi untuk produk perkilangan. Eksport benar meningkat dengan kukuh sebanyak 9.8% (S4 2016: 2.2%). Import benar juga meningkat lebih pantas pada kadar 12.9% (S4 2016: 1.6%) hasil daripada peningkatan ketara dalam import barangan modal dan pengantara yang lebih tinggi. Berdasarkan asas suku tahunan terlaras secara bermusim, ekonomi negara mencatat pertumbuhan 1.8% (S4 2016: 1.3%).

Rajah 6: Pertumbuhan KDNK



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Permintaan dalam negeri dipacu oleh aktiviti swasta

Permintaan dalam negeri meningkat 7.7% pada suku pertama 2017 (S4 2016: 3.2%), disokong oleh pengembangan berterusan dalam perbelanjaan sektor swasta (8.2%; S4 2016: 5.9%) dan perbelanjaan sektor awam yang kembali pulih.

Penggunaan swasta meningkat 6.6% (S4 2016: 6.1%). Perbelanjaan isi rumah terus disokong oleh pengembangan berterusan dalam guna tenaga dan kenaikan upah. Pelaksanaan beberapa langkah tertentu oleh Kerajaan, termasuk pindahan tunai yang lebih tinggi untuk Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M), juga terus merangsang perbelanjaan isi rumah.

Pertumbuhan penggunaan awam lebih kukuh pada 7.5% (S4 2016: -4.2%) disebabkan perbelanjaan yang lebih tinggi untuk emolumen serta bekalan dan perkhidmatan.

Rajah 7: Sumbangan Komponen Perbelanjaan kepada Pertumbuhan KDNK

Pertumbuhan sektor swasta terus menjadi pemacu utama pertumbuhan



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Rajah 8: Pertumbuhan Mengikut Sektor

Pemulihan kukuh dalam pertumbuhan sektor pertanian



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Rajah 9: Sumbangan Sektor Ekonomi kepada Pertumbuhan KDNK

Sumbangan kepada pertumbuhan daripada sektor pertanian kembali positif selepas El Niño



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pelaburan swasta meningkat pada kadar yang pesat iaitu 12.9% (S4 2016: 4.9%), berikutan perbelanjaan modal yang berterusan dalam sektor perkhidmatan dan perkilangan. Pelaburan dalam jentera dan kelengkapan meningkat pada suku pertama, disokong oleh pelaksanaan beberapa projek berskala besar dalam sektor perkilangan. Sentimen perniagaan bertambah baik pada suku tersebut didorong oleh persekitaran ekonomi antarabangsa yang lebih baik dan pasaran kewangan yang lebih stabil.

Pertumbuhan pelaburan awam lebih tinggi pada 3.2% (S4 2016: -0.4%), didorong terutamanya oleh peningkatan perbelanjaan untuk aset tetap oleh perbadanan awam.

Pembentukan modal tetap kasar (PMTK) meningkat 10.0% (S4 2016: 2.4%), disebabkan oleh pelaburan awam yang kembali pulih dan pelaburan swasta yang lebih tinggi. Pertumbuhan kukuh dalam jumlah pelaburan ini ialah hasil daripada peningkatan menyeluruh dalam perbelanjaan modal untuk jentera dan kelengkapan (21.8%; S4 2016: 2.9%), struktur (3.8%; S4 2016: 2.8%) dan aset jenis lain (1.4%; S4 2016:-2.0%).

Pertumbuhan lebih tinggi dalam sektor ekonomi utama

Dari segi penawaran, kebanyakan sektor ekonomi berkembang lebih pantas. Pertumbuhan keseluruhan yang bertambah baik ini disumbangkan terutamanya oleh pemulihan dalam sektor pertanian dan pertumbuhan sektor perkilangan dan perkhidmatan yang lebih tinggi.

Pertumbuhan yang nyata dalam sektor pertanian disebabkan oleh kadar hasil minyak sawit mentah yang kembali pulih daripada kesan negatif akibat El Niño. Pertumbuhan sektor pertanian juga disokong oleh pengembangan dua angka dalam pengeluaran getah. Dalam sektor perkilangan, pertumbuhan dipacu terutamanya oleh segmen elektronik dan elektrik (E&E), sejajar dengan permintaan global terhadap separa konduktor yang terus menggalakkan. Industri berorientasikan dalam negeri disokong oleh permintaan yang berterusan untuk produk-produk berkaitan makanan dan peningkatan nyata dalam pengeluaran kenderaan bermotor.

Sektor perkhidmatan berkembang dengan lebih pantas pada suku pertama. Pertumbuhan dalam subsektor borong dan runcit bertambah baik sejajar dengan peningkatan perbelanjaan isi rumah. Subsektor kewangan dan insurans juga mencatat pertumbuhan lebih tinggi, disokong oleh pertumbuhan lebih baik dalam pemberian pinjaman oleh sistem

perbankan dan aktiviti pasaran modal berikutan terbitan IPO yang lebih banyak. Pertumbuhan sektor pembinaan lebih kukuh, disokong oleh aktiviti kejuruteraan awam dalam segmen petrokimia, loji janakuasa dan pengangkutan.

Pertumbuhan sektor perlombongan lebih sederhana berikutan pengeluaran minyak mentah yang lebih rendah, terutamanya di Sarawak dan Semenanjung Malaysia. Ini merupakan sebahagian daripada inisiatif global untuk mengurangkan pengeluaran minyak.

Inflasi keseluruhan meningkat disebabkan kos pengangkutan yang lebih tinggi

Inflasi keseluruhan[2] lebih tinggi pada 4.3% pada suku pertama 2017 (S4 2016: 1.7%) didorong terutamanya oleh faktor kos. Pada suku tersebut, harga purata petrol RON95 lebih tinggi pada RM2.23 seliter berbanding dengan harga purata RM1.73 seliter semasa tempoh asas S1 2016. Hal ini telah mengakibatkan inflasi yang nyata lebih tinggi dalam kategori *pengangkutan* pada 16.2% (S4 2016: -2.6%). Harga bahan api dalam negeri yang lebih tinggi disebabkan terutamanya oleh kenaikan harga minyak dunia berikutan persetujuan OPEC untuk mengurangkan pengeluaran minyak mentah berkuat kuasa pada 1 Januari 2017. Inflasi dalam kategori *makanan dan minuman bukan alkohol* naik 4.2% (S4 2016: 3.3%) dengan subkategori *makanan di luar rumah* meningkat 4.0% (S4 2016: 3.4%). Kenaikan inflasi makanan yang berpunca daripada kekurangan bekalan makanan segar akibat keadaan cuaca buruk juga telah menyebabkan harga *makanan di luar rumah* meningkat. Namun, inflasi makanan mulai menjadi sederhana pada bulan Mac 2017, apabila keadaan bekalan bertambah baik.

Harga *makanan di luar rumah* yang lebih tinggi dalam keadaan kenaikan inflasi sewa telah mengakibatkan inflasi teras yang lebih tinggi pada 2.4% pada S1 2017 (S4 2016: 2.1%). Walau bagaimanapun, kesan pindahan harga yang lebih tinggi adalah masih terkawal. Ini digambarkan oleh rebakan inflasi[3] yang pada amnya stabil. Kesan pindahan yang agak terhad ini disebabkan sebahagiannya oleh bahagian kategori *pengangkutan, tenaga* dan *bahan kimia asas* yang

Rajah 10: Inflasi Keseluruhan

Inflasi lebih tinggi mencerminkan terutamanya kesan pindahan kenaikan harga minyak global

%, sumbangan kepada pertumbuhan (mata peratusan)



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia

Rajah 11: Rebakan Inflasi

Walau bagaimanapun, rebakan inflasi secara amnya masih stabil

peratusan jumlah barangan (%)



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia

[2] Seperti yang diukur oleh perubahan tahunan dalam Indeks Harga Pengguna (IHP).

[3] Rebakan inflasi (inflation pervasiveness) mencakupi bahagian item dalam bakul IHP yang lebih besar pada kadar yang tertentu. Inflasi akan menjadi lebih merebak jika lebih banyak item mencatat kenaikan harga yang lebih pantas. Perlu untuk membezakan kenaikan inflasi keseluruhan yang didorong perubahan harga secara relatif dengan perubahan harga secara am.

Rajah 12: Kadar Pengangguran

Kadar pengangguran stabil



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Rajah 13: Upah Sektor Swasta

Pertumbuhan upah terus kekal



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

kecil (10.4%)[4] dalam kos pengeluaran kebanyakan item dalam bakul IHP. Selain itu, pengeluaran dan penggunaan dalam negeri juga secara relatif mempunyai kandungan import yang sederhana (masing-masing kira-kira 20% dan 6.7%). Ini lantas membendung kesan pindahan, akibat kadar pertukaran ringgit yang lebih lemah, kepada inflasi dalam negeri. Dalam keadaan permintaan yang tidak begitu kukuh, keupayaan dan kesanggupan syarikat untuk memindahkan kenaikan kos kepada pengguna juga lebih terhad.

Keadaan pasaran pekerja stabil

Keadaan pasaran pekerja kekal stabil pada suku pertama, dengan penyertaan tenaga kerja daripada penduduk usia bekerja yang tinggi sedikit pada 67.7% (S4 2016: 67.6%). Pada suku tersebut, pengembangan tenaga kerja sebanyak 98,700 orang juga sejajar dengan pertambahan guna tenaga bersih sebanyak 95,300 orang. Oleh itu, kadar pengangguran tidak berubah pada 3.5% daripada jumlah tenaga kerja (S4 2016: 3.5%). Jawatan kosong yang diiklankan di sebuah laman sesawang carian pekerjaan yang utama adalah lebih tinggi sebanyak 61,760 jawatan yang menunjukkan bahawa permintaan untuk pekerja baharu semakin meningkat (S4 2016: 53,214).

Upah sektor swasta terus meningkat pada kadar yang mampan iaitu 4.5% pada S1 2017 (S4 2016: 4.4%), kerana kadar kenaikan upah yang lebih tinggi dalam subsektor perkhidmatan utama (5.1%; S4 2016: 3.7%) telah mengimbangi kenaikan upah yang sederhana dalam sektor perkilangan pada suku tersebut (3.2%; S4 2016: 5.9%). Kenaikan upah pada suku itu disokong oleh industri perkilangan serta industri perkhidmatan yang berorientasikan dalam negeri dan eksport.

[4] Bahagian ini diperoleh daripada analisis jadual Input-Output.

1 Rencana

Inflasi: Persepsi dan Realitinya

Oleh Loke Po Ling dan Farina Adam Khong

SOROTAN PENTING:

- **Keraguan orang ramai terhadap IHP semakin ketara kerana berdasarkan pengalaman mereka, kos sara hidup dirasakan telah meningkat dengan ketara. Namun, kos sara hidup dan inflasi merupakan dua konsep yang berbeza, dan persepsi atau anggapan orang ramai terhadap inflasi banyak dipengaruhi oleh pandangan yang berprasangka.**
- **Disebabkan pandangan sedemikian, ukuran inflasi mengikut pandangan mereka adalah lebih tinggi berbanding dengan inflasi IHP rasmi, terutamanya apabila terdapat tekanan inflasi yang meningkat. Hal ini boleh mempengaruhi jangkaan orang ramai mengenai inflasi pada masa akan datang dan mengubah keputusan mereka dalam penggunaan dan pelaburan.**

"*Persepsi adalah nyata, walaupun ia bukan kenyataan*" ~ Edward de Bono

Dalam bidang ekonomi, lazimnya garis pemisah antara persepsi dengan realiti adalah agak kabur. Isu sama ada inflasi IHP rasmi mencerminkan perubahan sebenar dalam kos sara hidup merupakan salah satu daripada perkara tersebut. Meskipun inflasi IHP secara relatif rendah dalam tempoh dua tahun yang lalu (2016: 2.1%; 2015: 2.1%), pengalaman orang ramai menunjukkan bahawa kos sara hidup mereka telah meningkat dengan ketara. Oleh itu, keupayaan IHP untuk menjadi pengukur yang baik bagi perubahan kos sara hidup di negara ini adalah diragui.

Terdapat tiga faktor yang membezakan kos sara hidup dengan inflasi. Pertama, kos sara hidup dan inflasi merupakan dua konsep yang berbeza seperti yang dihuraikan dalam Rencana: Inflasi dan Kos Sara Hidup dalam Laporan Tahunan 2015. Inflasi IHP dikira berdasarkan satu bakul barangan dan perkhidmatan yang mencerminkan corak penggunaan isi rumah Malaysia secara purata dan harga purata dalam ekonomi. Setelah mengambil kira perbezaan corak perbelanjaan dan harga di pelbagai lokasi, inflasi IHP keseluruhan tidak akan mencerminkan dengan tepat kos sara hidup seseorang individu. Berdasarkan anggaran yang dibuat oleh staf Bank Negara Malaysia, kadar inflasi merentas kumpulan pendapatan dan negeri ternyata berbeza daripada purata kebangsaan.

- Jika dibuat perbandingan antara negeri, isi rumah di Kuala Lumpur mengalami kadar inflasi tertinggi 2.8% pada tahun 2016, lebih tinggi daripada purata inflasi kebangsaan 2.1%.
- Jika dibuat perbandingan antara kumpulan pendapatan, isi rumah dalam kumpulan 20% terbawah daripada kumpulan pendapatan mengalami inflasi antara 0.12 hingga 1.12 mata peratusan lebih tinggi daripada isi rumah dalam kumpulan 20% teratas daripada kumpulan pendapatan. Ini kerana bahagian perbelanjaan mereka yang lebih tinggi disalurkan untuk makanan, yang pada amnya mencatat kadar inflasi yang lebih tinggi berbanding dengan barangan dan perkhidmatan lain.

Memandangkan IHP merupakan ukuran yang baik bagi perubahan paras harga pengguna secara keseluruhan dalam ekonomi, indeks ini menjadi penunjuk yang relevan dalam pengendalian dasar makroekonomi, seperti dasar monetari yang bertujuan untuk mempengaruhi ekonomi secara lebih meluas. Kedua, walaupun IHP hanya mempertimbangkan perubahan tahunan harga barangan dan

perkhidmatan, perbincangan mengenai isu kos sara hidup turut melibatkan aspek pendapatan. Isi rumah menerima kesan daripada kenaikan kos sara hidup bukan hanya apabila kos meningkat bahkan apabila pendapatan mereka tidak meningkat sejajar dengan kenaikan kos, yang seterusnya menyebabkan kuasa membeli mereka berkurang.

Ketiga, persepsi orang ramai terhadap kenaikan harga juga berdasarkan pada beberapa pandangan berprasangka yang semulajadi. Hal ini kerana apabila pengguna menyatakan pandangan mereka, pandangan itu berdasarkan set maklumat yang berbeza daripada set maklumat yang digunakan untuk mengira IHP rasmi. Set maklumat pengguna terdiri daripada kepercayaan awal, interaksi sosial dengan ejen ekonomi lain dan pengalaman sepanjang hidup. Persepsi yang berprasangka ini boleh mempengaruhi jangkaan pengguna mengenai inflasi masa akan datang, dan seterusnya mengubah keputusan penggunaan dan pelaburan mereka. Dalam hal ini, pemahaman mengenai persepsi orang ramai mengenai inflasi adalah penting supaya bank pusat boleh merumuskan strategi yang berkesan untuk menguruskan jangkaan orang ramai mengenai inflasi.

Rencana ini menyenaraikan faktor yang mendorong persepsi orang ramai mengenai inflasi dan seterusnya menunjukkan ukuran kuantitatif bagi inflasi anggapan (perceived inflation). Rencana ini juga menerangkan faktor-faktor yang menyebabkan pencapahan (divergence) antara inflasi anggapan dengan inflasi IHP sejak kebelakangan ini.

Persepsi orang ramai mengenai inflasi dipengaruhi oleh pandangan yang berprasangka

Persepsi orang ramai mengenai inflasi dibentuk oleh pengalaman peribadi mereka dan dipengaruhi oleh dua pandangan berprasangka, iaitu pandangan berprasangka berdasarkan kekerapan dan pandangan berprasangka berdasarkan ingatan.

- **Pandangan yang berprasangka berdasarkan kekerapan:** Pandangan pengguna mengenai inflasi sebahagian besarnya dipengaruhi oleh perubahan harga barang yang kerap dibeli, termasuk barang tidak tahan lama seperti makanan dan barang penjagaan peribadi, yang lazimnya mengalami inflasi lebih tinggi.
- **Pandangan yang berprasangka berdasarkan ingatan:** Pengguna lebih cenderung mengingati kenaikan harga dan tidak mengendahkan penurunan harga.

Untuk mengukur secara kuantitatif paras inflasi mengikut anggapan orang ramai, dua ukuran inflasi anggapan dibentuk, iaitu Indeks Harga Harian (Everyday Price Index, EPI)[1] dan Indeks Harga Anggapan (Perceived Price Index, PePI)[2]. Kedua-dua indeks ini mengambil kira pandangan berprasangka berdasarkan kekerapan dan pandangan berprasangka berdasarkan ingatan.

i. **Indeks Harga Harian (EPI)** ialah indeks yang terdiri daripada barangan dan perkhidmatan yang kerap dibeli (sekurang-kurangnya sekali sebulan) yang merangkumi pandangan berprasangka berdasarkan kekerapan. Indeks ini mencakupi 60% daripada bakul IHP dan tidak termasuk barangan yang jarang-jarang dibeli serta barangan bernilai tinggi seperti pakaian, peralatan rumah dan perbelanjaan percutian. Barangan yang harganya ditetapkan secara kontrak, seperti sewa, juga dikecualikan daripada pengiraan indeks ini kerana harganya jarang-jarang berubah.

   Dalam bakul EPI yang diwajarkan semula, kategori makanan dan minuman bukan alkohol mencakupi lebih daripada separuh (50.2%). Bersama-sama dengan kategori pengangkutan, barangan dan perkhidmatan ini secara kolektif mencakupi 66% daripada bakul EPI. Oleh itu, perubahan harga produk makanan dan bahan api mempunyai pengaruh yang agak besar terhadap inflasi EPI.

ii. **Indeks Harga Anggapan (PePI)** memperhalus EPI, dan menggabungkan pandangan berprasangka berdasarkan ingatan dengan pandangan berprasangka berdasarkan kekerapan. Barangan dalam PePI adalah sama seperti EPI. Walau bagaimanapun, indeks ini hanya mengambil kira kenaikan harga kerana pengguna biasanya tidak mengendahkan penurunan harga. Indeks harga yang menurun diandaikan sebagai tidak berubah.

[1] Vlasenko dan Cunningham (2015).
[2] Dengan menerapkan konsep yang sama yang dikemukakan oleh Brachinger

Jadual 1: Wajaran dalam bakul IHP dan EPI

Kategori	Wajaran	Wajaran EPI
Makanan & minuman bukan alkohol	30.2	50.2
Pengangkutan	13.7	15.8
Komunikasi	5.2	7.8
Perumahan & utiliti	23.8	7.0
Rekreasi	4.9	5.9
Minuman alkohol & tembakau	2.9	4.1
Restoran & hotel	2.9	4.1
Pelbagai	6.5	2.0
Pendidikan	1.1	1.6
Hiasan	3.8	1.5
Pakaian & kasut	3.3	0.0
Kesihatan	1.7	0.0
Jumlah	**100.0**	**100.0**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan pengiraan staf BNM

Meskipun dalam persekitaran inflasi yang rendah, orang ramai masih memberikan perhatian terhadap inflasi memandangkan terdapat persepsi berprasangka

Apabila ukuran inflasi anggapan dan inflasi IHP dibandingkan, inflasi EPI pada amnya lebih tinggi berbanding dengan inflasi IHP. Ini menunjukkan bahawa harga barangan yang sering dibeli meningkat dengan lebih cepat berbanding barangan yang jarang-jarang dibeli.

- Antara Julai 2013 hingga Disember 2014, terdapat beberapa siri kenaikan harga ditadbir seperti harga rokok, gula dan bahan api dalam negeri.
- Pada tahun 2016, inflasi makanan ketara lebih tinggi ekoran fenomena El-Nino.
- Berbeza keadaannya pada tahun 2015, wajaran lebih besar yang diberikan kepada kategori pengangkutan telah meningkatkan kesan negatif daripada harga bahan api yang lebih rendah. Hal ini telah menjadikan inflasi EPI lebih rendah daripada inflasi IHP.

Carta 1

Inflasi Keseluruhan, Inflasi EPI dan Inflasi Anggapan



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan pengiraan staf BNM

Tidak dinafikan bahawa PePI mencatat kadar inflasi tertinggi.

- PePI nyata lebih tinggi berbanding dengan inflasi IHP dan inflasi EPI. Pada tahun 2015, inflasi PePI naik pada kadar yang lebih cepat berikutan pelaksanaan GST, yang telah menyebabkan kenaikan harga yang menyeluruh.
- Sebaliknya, meskipun inflasi IHP dan inflasi EPI meningkat dalam tempoh ini, kenaikan ini secara relatif lebih sederhana kerana harga bahan api yang lebih rendah. Walau bagaimanapun, harga bahan api yang lebih rendah ini tidak diambil kira dalam inflasi PePI.

Jadual 2: IHP, EPI dan Inflasi Anggapan

Purata pertumbuhan tahunan, %	IHP	EPI	PePI
Purata 5 tahun: 2012-2016	2.2	2.6	7.0
Kenaikan harga ditadbir: Julai 2013 – Disember 2014	3.0	3.8	6.1
Pelaksanaan GST:			
April 2015 – Mac 2016	2.8	2.6	10.8
November 2016 – Mac 2017	3.3	3.6	12.1

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan pengiraan staf BNM

Usaha mendidik orang ramai mengenai inflasi dan penerangan yang jelas mengenai prospek inflasi adalah penting untuk menguruskan jangkaan ramai mengenai inflasi

Dengan mengambil kira pandangan berprasangka berdasarkan kekerapan dan pandangan berprasangka berdasarkan ingatan, ukuran inflasi anggapan menyokong pandangan ramai bahawa inflasi sebenar lebih tinggi daripada inflasi IHP rasmi. Meskipun persepsi ini tidak semestinya benar, kesannya mungkin benar kerana ejen ekonomi bertindak mengikut apa yang mereka percaya dan membuat keputusan penggunaan dan pelaburan yang sewajarnya, yang seterusnya memberikan kesan kepada ekonomi. Contohnya, isi rumah yang menjangka inflasi akan meningkat dengan ketara mungkin akan menuntut upah lebih tinggi yang melangkaui peningkatan produktiviti mereka. Ini lantas menyebabkan kenaikan harga pusingan kedua dan peningkatan upah-harga yang berterusan. Sebagai pilihan lain, isi rumah juga boleh mengurangkan penggunaan semasa mereka dengan ketara kerana menjangkakan kos sara hidup akan meningkat pada masa hadapan. Ini seterusnya boleh menyebabkan kegiatan ekonomi secara keseluruhan lebih perlahan.

Oleh itu, penting bagi persepsi berprasangka ini dibetulkan untuk menguruskan jangkaan inflasi. Dalam hal ini, usaha akan ditumpukan pada mendidik orang ramai mengenai inflasi, meningkatkan pemahaman mereka bahawa inflasi berbeza daripada kos sara hidup serta cara mengira inflasi. Juga penting untuk memastikan bahawa maklumat yang digunakan untuk membuat keputusan penggunaan dan pelaburan adalah betul. Maklumat mengenai prospek dan trend akan datang inflasi juga perlu diterangkan bagi memberi keyakinan kepada orang ramai bahawa inflasi akan dikekalkan pada tahap yang rendah untuk jangka masa sederhana.

Rujukan

AIER (American Institute for Economic Research) Staff. (2012). 'The Everyday Price Index', AIER Economic Bulletin, Vol. LII, February 2012.

Bank Negara Malaysia. (2016). 'Box Article: Inflation and Cost of Living', Annual Report 2015, 64 – 69.

Brachinger H. W. (2006). 'Euro or "Teuro"?: The Euro-induced Perceived Inflation in Germany', Department of Quantitative Economics Working Paper No.5, University of Fribourg Switzerland

Gulker M. (2016). 'Average American's Cost of Living Falls', AIER Research Brief 2.16.

Vlasenko P. and Cunningham S. R. (2015). 'Capturing the Inflation that People Experience: The Everyday Price Index vs. the Consumer Price Index', AIER Working Paper No. 004.

Kedudukan luaran terus berdaya tahan

Eksport kasar meningkat dengan nyata sebanyak 21.4% pada suku pertama 2017 (S4 2016: 2.8%). Prestasi pertumbuhan eksport adalah menyeluruh, didorong oleh eksport perkilangan dan komoditi, yang mencatat pertumbuhan dua angka.

Eksport perkilangan yang kukuh adalah hasil daripada permintaan yang lebih tinggi daripada semua rakan perdagangan utama Malaysia terutamanya AS, RR China dan ekonomi serantau. Permintaan untuk produk E&E meningkat, terutamanya untuk separa konduktor. Dari segi destinasi, eksport E&E mendapat permintaan lebih tinggi terutamanya dari RR China dan AS.

Eksport perkilangan berasaskan sumber meningkat pada suku pertama 2017. Peningkatan ini disebabkan terutamanya oleh produk petroleum dan produk kimia. Eksport produk-produk ini bertumpu terutamanya ke RR China dan ekonomi rantau ini. Eksport komoditi disokong oleh harga komoditi yang bertambah baik dan jumlah eksport minyak mentah, minyak sawit mentah (MSM) dan gas asli cecair (LNG) yang lebih tinggi.

Import kasar meningkat dengan nyata sebanyak 27.7% pada suku pertama 2017 (S4 2016: 5%), disokong import barangan pengantara dan barangan modal serta kelengkapan pengangkutan yang lebih tinggi. Yang penting, import barangan modal didorong terutamanya oleh barangan bernilai tinggi, termasuk struktur terapung, kapal minyak dan gas serta beberapa kapal terbang. Import barangan pengantara lebih tinggi seiring dengan prestasi eksport perkilangan yang kukuh. Berikutan import yang lebih tinggi berbanding dengan eksport pada suku tersebut, lebihan perdagangan adalah lebih rendah pada RM18.9 bilion (S4 2016: RM27.5 bilion).

Rajah 14: Eksport Kasar Mengikut Keluaran

Pertumbuhan eksport lebih tinggi bagi produk utama

Perubahan tahunan (%), sumbangan kepada pertumbuhan (mata peratusan)



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Rajah 15: Eksport Kasar Mengikut Pasaran

Eksport juga lebih menyeluruh merentas pasaran

Perubahan tahunan (%), sumbangan kepada pertumbuhan (mata peratusan)



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Rajah 16: Import Kasar Mengikut Keluaran

Import kasar lebih tinggi, terutamanya dalam barangan pengantara dan modal

Perubahan tahunan (%), sumbangan kepada pertumbuhan (mata peratusan)



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Rajah 17: Imbangan Akaun Semasa

Lebihan Akaun Semasa Lebih Rendah Disebabkan oleh Imbangan Barangan yang Lebih Kecil



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Lebihan akaun semasa mengecil

Pada suku pertama 2017, lebihan akaun semasa mengecil disebabkan oleh lebihan akaun barangan yang lebih rendah dan defisit lebih tinggi dalam akaun perkhidmatan. Lebihan akaun barangan mengecil kepada RM25.3 bilion pada suku pertama 2017 (S4 2016: RM31.2 bilion) apabila pertumbuhan import yang kukuh mengatasi pertumbuhan eksport.

Defisit akaun perkhidmatan meningkat kepada RM6.2 bilion pada suku pertama 2017 (S4 2016: defisit sebanyak RM5.4 bilion), disebabkan terutamanya oleh pembayaran perkhidmatan pengangkutan yang lebih tinggi. Ini selaras dengan peningkatan dalam aktiviti perdagangan. Di samping itu, pembayaran bersih untuk perkhidmatan pembinaan adalah lebih tinggi pada suku pertama 2017 seperti ditunjukkan oleh peningkatan pelaburan. Defisit dalam kategori-kategori tersebut sebahagiannya telah diimbangi oleh lebihan perjalanan bersih yang mampan sebanyak RM7.6 bilion (S4 2016: RM7.6 bilion).

Defisit akaun pendapatan primer meningkat kepada RM9.9 bilion pada suku pertama 2017 (S4 2016: defisit sebanyak RM9.2 bilion). Keuntungan terakru bagi pelabur asing di Malaysia (RM20.0 bilion; S4 2016: RM19.4 bilion) terus mengatasi keuntungan yang dijana oleh pelaburan Malaysia di luar negeri (RM11.4 bilion; S4 2016: RM11.5 bilion).

Pembayaran bersih dalam akaun pendapatan sekunder lebih rendah pada RM3.9 bilion pada suku pertama 2017 (S4 2016: pembayaran bersih sebanyak RM4.1 bilion). Hal ini disebabkan terutamanya oleh pengiriman wang ke luar negeri yang sederhana sedikit (RM8.5 bilion; S4 2016: RM8.6 bilion).

Akaun kewangan mencatat aliran keluar bersih yang lebih rendah

Pada suku pertama 2017, akaun kewangan mencatat aliran keluar bersih yang lebih rendah iaitu sebanyak RM8.8 bilion (S4 2016: aliran keluar bersih sebanyak RM14.2 bilion), disebabkan terutamanya oleh aliran keluar bersih dalam akaun pelaburan portfolio.

Pelaburan portfolio bukan pemastautin mencatat aliran keluar bersih sebanyak RM22.9 bilion (S4 2016: aliran keluar bersih sebanyak RM21.8 bilion). Pemegangan sekuriti hutang bukan pemastautin lebih rendah, tertumpu terutamanya dalam kertas pelaburan jangka pendek yang tempoh matangnya kurang daripada 3 tahun. Hal ini mencerminkan terutamanya Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS) yang matang pada suku tersebut dan pengimbangan semula dedahan oleh pengurus aset antarabangsa. Antara faktor penyumbangnya ialah keputusan Federal Reserve AS untuk menaikkan kadar dana persekutuan pada bulan Mac 2017, turun naik semula harga minyak dunia dan pengurangan wajaran Malaysia dalam Indeks GBI-EM JP Morgan. Walau bagaimanapun, institusi-institusi domestik mengantarakan penjualan pelaburan portfolio bukan pemastautin dengan lancar. Hasilnya, pasaran bon secara relatif kekal stabil. Berbeza dengan aliran keluar bersih sekuriti hutang, terdapat pembelian semula sekuriti ekuiti oleh pelabur asing berikutan pendapatan korporat yang lebih kukuh dan prestasi ringgit yang lebih baik. Pelaburan portfolio pemastautin mencatat aliran keluar bersih sebanyak RM9 bilion (S4 2016: aliran masuk bersih sebanyak RM2.7 bilion), disebabkan oleh pengambilalihan bersih aset kewangan asing oleh pengurus dana tempatan dan pelabur institusi.

Akaun pelaburan langsung mencatat aliran masuk bersih sebanyak RM8.3 bilion (S4 2016: aliran masuk bersih sebanyak RM1 bilion), apabila liabiliti pelaburan langsung lebih daripada mengimbangi pengumpulan aset pelaburan langsung pada suku tersebut. Pelaburan langsung luar negeri (DIA) oleh syarikat Malaysia merosot kepada RM8.7 bilion (S4 2016: aliran keluar bersih sebanyak RM12 bilion), disebabkan terutamanya oleh suntikan modal ekuiti yang lebih rendah kepada anak syarikat di luar negara. Sebahagian besar DIA adalah oleh syarikat dalam sektor perkhidmatan, terutamanya subsektor perkhidmatan kewangan serta utiliti, diikuti sektor perlombongan. Pelaburan langsung asing (FDI) meningkat kepada RM17 bilion (S4 2016: aliran masuk bersih sebanyak RM13 bilion), disebabkan perolehan yang dilaburkan semula dan pengeluaran pinjaman antara syarikat yang lebih tinggi. Aliran

Rajah 18: Pelaburan Portfolio

Aliran keluar portfolio bersih yang lebih tinggi, didorong terutamanya oleh bukan pemastautin



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Rajah 19: DIA Bersih Mengikut Sektor

DIA disalurkan kebanyakannya ke dalam sektor perkhidmatan



[1] Merujuk sektor pertanian dan pembinaan

Nota: Angka-angka tidak terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Rajah 20: FDI Bersih Mengikut Sektor

FDI disalurkan terutamanya ke dalam sektor perkidmatan dan perlombongan



[1] Merujuk sektor pertanian dan pembinaan
Nota: Angka-angka tidak terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Rajah 21: Perubahan Hutang Luar Negeri

Hutang luar negeri lebih rendah pada S1 2017



[1] Perubahan setiap instrumen hutang tidak termasuk kesan penilaian semula kadar pertukaran
[2] Terdiri daripada kredit perdagangan, peruntukan SDR IMF dan liabiliti hutang lain

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

masuk FDI disalurkan terutamanya ke dalam sektor perkhidmatan, khususnya dalam subsektor harta tanah serta maklumat dan telekomunikasi, diikuti sektor perlombongan.

Akaun pelaburan lain mencatat aliran masuk bersih yang lebih tinggi sebanyak RM14.2 bilion (S4 2016: aliran masuk bersih sebanyak RM5 bilion). Ini disebabkan terutamanya oleh peningkatan penempatan mata wang dan deposit oleh institusi kewangan asing dalam bank-bank di Malaysia serta pembayaran balik kredit perdagangan yang sebelum ini diberikan oleh pengeksport Malaysia.

Berikutan perkembangan ini, imbangan pembayaran keseluruhan mencatat defisit sebanyak RM1.8 bilion pada suku pertama (S4 2016: lebihan sebanyak RM19 bilion). Kesilapan dan ketinggalan berjumlah RM1.7 bilion atau 0.4% daripada jumlah perdagangan.

Hutang luar negeri dalam keadaan terurus

Hutang luar negeri Malaysia berjumlah RM897.0 bilion, bersamaan dengan USD200.8 bilion atau 68.4% daripada KDNK pada akhir bulan Mac 2017 (akhir Disember 2016: RM916.1 bilion atau USD202.3 bilion). Hutang luar negeri yang lebih rendah ini sebahagian besarnya mencerminkan penurunan dalam pemegangan sekuriti hutang domestik dan deposit dalam institusi perbankan domestik oleh bukan pemastautin, serta pembayaran balik bersih pinjaman. Terdapat juga kesan penilaian berikutan pengukuhan ringgit berbanding dengan mata wang utama dan serantau terpilih pada suku pertama. Sebahagian daripada perkara ini telah diimbangi terutamanya oleh peningkatan yang ketara dalam peminjaman antara bank pada suku pertama untuk pengurusan mudah tunai dalam entiti yang berkaitan, serta pelaburan dan pembiayaan.

Hutang luar negeri Malaysia kekal dalam keadaan terurus berdasarkan profil mata wang dan kematangannya, serta adanya aset luar negara yang lebih besar. Hampir satu pertiga daripada jumlah hutang luar negeri adalah dalam ringgit (30.3%), terutamanya dalam bentuk pemegangan sekuriti hutang domestik dan deposit ringgit dalam institusi perbankan domestik oleh bukan pemastautin. Oleh yang demikian, liabiliti-liabiliti tersebut tidak terkesan oleh perubahan penilaian ekoran turun naik dalam kadar pertukaran ringgit.

Baki hutang luar negeri iaitu sebanyak RM624.9 bilion (69.7%) adalah dalam mata wang asing (foreign currencies, FC) dan kebanyakannya dilindung nilai, sama ada secara semula jadi melalui pendapatan mata wang asing atau melalui penggunaan instrumen kewangan. Sebahagian besar daripada obligasi ini ialah peminjaman luar pesisir, yang diperoleh terutamanya untuk mengembangkan kapasiti produktif dan menguruskan sumber kewangan dengan lebih baik dalam kumpulan korporat. Pada akhir bulan Mac 2017, peminjaman luar pesisir kekal rendah pada 42.5% daripada KDNK berbanding 60.0% daripada KDNK semasa Krisis Kewangan Asia.

Daripada jumlah hutang luar negeri dalam denominasi FC (termasuk kesan penilaian), lebih satu pertiga terdiri daripada peminjaman antara bank dan deposit FC dalam sistem perbankan domestik, yang berjumlah RM237.9 bilion. Ini sebahagian besarnya mencerminkan pengurusan mudah tunai di dalam kumpulan bank dan penempatan deposit daripada entiti induk asing, tertakluk kepada amalan pengurusan mudah tunai berhemat. Antaranya ialah had dalaman bagi pembiayaan dan ketidakpadanan tempoh matang. Ini seterusnya diikuti oleh bon dan nota jangka panjang terbitan luar pesisir berjumlah RM172.2 bilion pada akhir bulan Mac 2017, terutamanya untuk membiayai pengambilalihan aset di luar negara yang bakal menjana pendapatan akan datang. Pinjaman antara syarikat biasanya tertakluk kepada terma yang fleksibel dan bersifat konsesi, seperti tiada jadual pembayaran balik yang tetap atau pada kadar faedah yang rendah.

Dari perspektif tempoh matang, lebih separuh (54.9%) daripada jumlah hutang luar negeri menjurus kepada tempoh jangka sederhana hingga panjang. Hal ini menunjukkan risiko pembiayaan semula yang terhad. Penting untuk diambil perhatian bahawa rizab antarabangsa bukan satu-satunya saluran untuk bank dan syarikat memenuhi obligasi luaran jangka pendek mereka memandangkan mereka mempunyai pendapatan eksport dan aset luar negara. Paras rizab terkini adalah sebanyak USD96.1 bilion pada 28 April 2017, yang hanya kira-kira satu perempat daripada jumlah aset luar negara, dengan bakinya dipegang oleh bank dan syarikat. Rizab antarabangsa ialah 1.1 kali hutang luar negeri jangka pendek dan memadai untuk membiayai 7.9 bulan import tertangguh.

Rajah 22: Butiran Mengikuti Mata Wang (% Keseluruhan)

Hutang dengan denominasi mata wang asing sebahagian besarnya dilindung nilai



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 23: Butiran Hutang dalam Denominasi Mata Wang Asing Luar Negeri (% Keseluruhan)

Kira-kira separuh daripada hutang dalam denominasi mata wang asing adalah tertakluk kepada amalan pengurusan mudah tunai berhemat dan terma yang fleksibel



*Termasuk kredit perdagangan dan pelbagai, seperti tuntutan insurans yang belum dikeluarkan and faedah belum bayar untuk bon dan nota

Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 24: Butiran Mengikuti Tempoh Matang (% keseluruhan)

Risiko pembiayaan semula yang terhad



Sumber: Bank Negara Malaysia